

**AUKU 1971: Draf Pindaan Dijangka Dibentangkan Di Parlimen Mac Tahun Depan  
Bernama  
12 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Draf pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 dijangka dibentangkan di Parlimen pada Mac tahun depan, kata Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Beliau berkata kementerian, melalui Jawatankuasa Pindaan AUKU, akan mendapatkan pandangan menyeluruh daripada pihak universiti berhubung cadangan pindaan kepada Seksyen 15 AUKU 1971 itu sebelum draf tersebut disiapkan sebelum akhir bulan depan.

Dalam satu kenyataan pada Isnin, beliau berkata jawatankuasa ini bertujuan mendapatkan pandangan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan akan melihat AUKU secara keseluruhan berikutan cadangan meminda Seksyen 15 bagi memastikan seksyen lain di dalam AUKU adalah selari dengan cadangan pindaan.

Langkah itu, katanya, bagi memastikan pindaan AUKU adalah selaras dengan peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan khususnya Perkara 10 mengenai hak-hak bersuara, berpersatuan dan berkumpul secara aman.

Seksyen 15 AUKU 1971 menyebut pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar dilarang bersekutu dengan persatuan kecuali sebagaimana diperuntukkan di bawah Perlembagaan, atau diluluskan oleh Naib Canselor.

"Saya difahamkan, beberapa sesi perbincangan akan diadakan seperti Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 18 Dis, MPP Universiti Sains Malaysia pada 20 Dis selain perbincangan meja bulat yang melibatkan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi. Saya percaya banyak lagi sesi perbincangan akan dilakukan di universiti," kata Mohamed Khaled.

Jawatankuasa yang dianggotai 10 ahli akademik dari pelbagai universiti itu dipengerusikan oleh Timbalan Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Prof Dr Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod.

Oleh itu, Mohamed Khaled berkata semua universiti melalui mahasiswa dan ahli akademik hendaklah mengadakan perbincangan dan keputusan boleh dikemukakan kepada jawatankuasa ini melalui sesi perjumpaan atau penggunaan media sosial.

Beliau berkata kerajaan telah bersetuju untuk meminda AUKU dengan menekankan kepada dua prinsip iaitu membenarkan mahasiswa terlibat dalam aktiviti dan parti politik di luar kampus dan mengekalkan kampus sebagai entiti yang bebas daripada aktiviti politik kepartian.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=633651>

